

16 JAN 2003

Mahathir-Jenayah

TIADA DIDIKAN AGAMA YANG SEBENAR SEBABKAN ORANG ISLAM TERLIBAT JENAYAH

JELI, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata didikan agama yang tidak bertumpu kepada ajaran Islam yang sebenar menyebabkan kadar jenayah di kalangan umat Islam di negara ini meningkat.

Perdana Menteri berkata kebanyakan mereka yang mendapat didikan agama di sekolah agama tidak diajar dengan nilai-nilai Islam, sebaliknya lebih ditekankan kepada politik yang bertentangan dengan Islam.

"Saya merasa sedih dan malu apabila melihat angka-angka kejadian jenayah melibatkan umat Islam di Malaysia. Daripada jumlah yang melakukan sumbang mahram, 54 adalah orang Islam hanya dua Cina dan tiga orang India.

"Ini kerana mereka tidak lagi dididik dengan dengan nilai-nilai Islam yang mulia. Yang dididik ialah supaya membenci orang lain," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Air Panas, di sini.

Dr Mahathir berkata umat Islam yang mendapat didikan agama yang betul akan menjadi orang yang berdisiplin, dan apabila dewasa boleh mengawal diri dan nafsu mereka daripada melakukan perkara-perkara mungkar.

Perdana Menteri berkata disebabkan tidak ada didikan agama yang betul itu menyebabkan ramai di kalangan orang Islam kini melakukan jenayah.

"Dadah, rogol, sumbang mahram...kenapa, kenapa berlaku semua ini, kerana kita awal-awal tidak mengajar mereka erti Islam yang mulia dan juga kerana tidak ada yang tulus ikhlas dalam mengajar Islam.

"Sebaliknya anak-anak kita diajar bertentangan daripada apa yang diajar oleh Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata menjadi hasrat kerajaan untuk mendidik kanak-kanak Islam di sekolah dengan nilai Islam yang mulia agar mereka menjadi umat Islam yang mulia dan maju.

Beliau berkata terdapat segelintir umat Islam yang mengambil kesempatan menggunakan agama dan sanggup mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan ajaran Islam semata-mata untuk mendapat undi pada pilihan raya.

Mengenai Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh Pas dan dikatakan melaksanakan sistem pemerintahan Islam, Dr Mahathir berkata kedua-dua negeri itu bukannya negeri Islam yang boleh dianggap contoh yang baik.

"Daif betul di Kelantan dengan keadaannya yang kotor. Di Terengganu juga kini, pantai-pantainya dah jadi cukup kotor. Adakah ini ajaran Islam? Islam sebenarnya mengajar umatnya supaya sentiasa bersih," katanya.

Perdana Menteri berkata dakwaan sebagai negeri Islam di kedua-dua negeri itu sebenarnya satu penipuan memandangkan sehingga kini tidak ada negara luar yang mengatakan Terengganu dan Kelantan sebagai contoh negeri Islam.

Beliau berkata kerajaan juga tidak boleh menerima Undang-undang Hudud yang ingin dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu kerana ia bukan berlandaskan hukum Islam sebenar.

"Kita tak boleh terima Hudud dia (Pas) kerana semua undang-undang Tuhan adil. Kalau ada yang tidak adil, ia bukan undang-undang Tuhan. (Itu adalah) undang-undang Hadi dan Nik Aziz sebab nak dapat undi," katanya, merujuk kepada Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan bantuan kepada mangsa dan waris mereka yang meninggal dunia dan cedera akibat serangan harimau di sini tahun lepas.

Beliau juga menyerahkan bantuan kepada 20 pelajar miskin yang merupakan

sebahagian daripada 87,000 pelajar di seluruh Kelantan yang bakal menerima bantuan berjumlah RM120 seorang.

-- BERNAMA

SN MAI